



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN
SEBERANG PERAI FIESTA 2018

OLEH

TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATO' SERI UTAMA (DR.) HAJI ABDUL RAHMAN
BIN HAJI ABBAS
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
29 SEPTEMBER 2018 (SABTU)
8.15 MALAM

DEWAN SERBAGUNA
TAPAK EKSPLO SEBERANG JAYA
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Dan

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajah Majimor Binti Shariff

Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman

Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang

Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy

Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar Dan Kesihatan

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Seberang Perai Fiesta 2018

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai

Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri Pulau Pinang

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat malam dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Seberang Perai Fiesta 2018 yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajah Majimor binti Shariff hadir bagi menyempurnakan perasmian Seberang Perai Fiesta 2018 pada malam ini.

Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan jelas membuktikan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang seorang yang Di Pertua Negeri terhadap rakyat jelata. Kami sentiasa mendoakan Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan sekeluarga dilimpahi rahmat, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki untuk terus memayungi Pulau Pinang yang tercinta ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih terutama kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang dan khususnya kepada Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin kerana sudi melibatkan MPSP dalam penganjuran fiesta yang besar-besaran ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato', Datin-Datin serta tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian serta syabas dan tahniah kepada pihak penganjur majlis kerana berjaya mengatur program Seberang Perai Fiesta 2018 dari 26 hingga 30 September 2018 di Tapak Ekspo Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Tuan Yang Terutama Tun, Toh Puan Dato' Seri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato' dan Datin-Datin serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Seberang Perai Fiesta 2018 ini merupakan tahun ketiga ianya diadakan yang menampilkan kolaborasi atau gabungan tiga pesta iaitu

Agrofest Penang, Penang Food Festival dan Festival Seni Northsantara Art Wave. Fiesta lima hari ini diadakan untuk mempromosikan bidang pertanian, penternakan dan perikanan dan sekaligus memberi pulangan dari segi ekonomi kepada pengusaha dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Program seumpama ini juga mewujudkan kerjasama yang erat di antara agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi mempromosikan produk pertanian, perikanan, kepelbagaian makanan kepada orang ramai.

Selain mempromosikan produk-produk pertanian, penternakan dan perikanan, fiesta ini juga dirancakkan dengan menampilkan pelbagai aktiviti seni lukisan, persembahan artis-artis tempatan, pameran-pameran dan pertandingan-pertandingan.

MPSP sentiasa menyokong dan berkerjasama erat dengan Kerajaan Negeri dalam menjayakan program ini. Pelaksanaan fiesta ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Seberang Perai sebagai salah satu produk pelancongan yang menarik minat ramai pelancong sama ada dari dalam atau luar negara.

Bagi pengemar makanan pula, terdapat sebanyak 80 buah gerai berasaskan makanan dan 15 buah “*food truck*” yang menyajikan pelbagai menu hidangan menarik kepada pengunjung.

Tuan Yang Terutama Tun, Toh Puan Dato' Seri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato' dan Datin-Datin serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MPSP adalah "*people centric organization*" yang berorientasikan rakyat dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Setiap sen yang dibelanjakan hendaklah berorientasikan rakyat dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. MPSP amat menggalakkan penyertaan masyarakat dalam membuat keputusan untuk program-program pembangunan serta meningkatkan kesedaran kepada orang ramai dalam menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan.

MPSP memberi peluang dalam membantu penjaja-penjaja, peniaga-peniaga dan para usahawan yang baru berkecimpung dalam dunia perniagaan mahupun yang ingin mengembangkan perniagaan mereka terutamanya dalam bidang perniagaan menggunakan trak makanan.

Aktiviti perniagaan berkonsepkan *Food Truck* atau Trak Makanan kini menjadi trend dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan di seluruh negara. Kehadiran trak-trak makanan ini mampu menjadi tarikan utama bagi

memeriahkan dan menjayakan sesuatu program seperti hari ini. Sesuai dengan gaya hidup masyarakat Malaysia yang gemarkan kelainan maka konsep perniagaan menggunakan Trak Makanan ini dilihat mampu memenuhi citarasa dan kehendak penggemar makanan di Malaysia amnya dan khususnya di Pulau Pinang.

Aktiviti perniagaan berkonsepkan Trak Makanan ini dilihat mempunyai kelebihan dalam aspek:

- I. Variasi dan olahan penyediaan makanan yang lebih menarik
- II. Memenuhi kehendak penggemar makanan dalam mewujudkan suasana santai untuk menikmati makanan
- III. Lebih mudah untuk bergerak dari satu lokasi ke satu lokasi yang lain dengan meminimalkan penggunaan peralatan dan tenaga dalam penyampaian perkhidmatan.

Penjual makanan dan minuman menggunakan Trak Makanan perlulah menawarkan produk jualan yang terbaik kepada pelanggan. Peniaga bolehlah menggunakan bahan-bahan organik atau bahan-bahan segar dalam masakan mereka. Kini golongan usahawan muda mampu untuk mendapatkan pendapatan baik dengan berniaga Trak Makanan dengan mendapatkan bantuan untuk memulakan perniagaan Trak Makanan

daripada pihak kerajaan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Program Unit Agropreneur Muda.

Untuk memberi kemudahan bagi trak-trak makanan untuk berniaga, pihak MPSP juga telah memperbanyakkan dan membenarkan trak-trak makanan untuk berniaga di lokasi-lokasi spesifik di Seberang Perai seperti yang *multipurpose* di kawasan taman-taman rekreasi, tapak letak kereta, tapak pasar malam / siang, tapak letak kereta pasar awam, perkarangan stadium dan lain-lain lagi.

Tuan Yang Terutama Tun, Toh Puan Dato' Seri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato' dan Datin-Datin serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Dalam kita menikmati makanan, berhibur dan sebagainya dalam Seberang Perai Fiesta 2018 ini, besarlah harapan saya sekiranya pengunjung-pengunjung yang hadir dapat bersama-sama menjaga kebersihan dan melaksanakan pengasingan sisa dipunca.

Saya menyeru dan amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua peniaga dan pengunjung untuk mengasingkan sampah dan membuangkannya ke dalam tong sampah yang disediakan oleh MPSP dan

dilabelkan dengan kategori “*sisa kitar semula*” untuk kertas, plastik, tin, aluminium dan kotak dan “*sisa baki*” untuk sampah kotor dan sisa makanan.

MPSP telah memacu ke arah menjadikan Seberang Perai “*Smart Sustainable City*” dengan visi “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi**”. MPSP telah menyediakan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 yang merupakan dokumen hala tuju MPSP bagi tempoh lima (5) tahun dan merupakan satu (1) perancangan atau komitmen MPSP kepada semua *stakeholders* di Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP. Visi ini dapat dicapai dengan penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

MPSP serius dalam menguruskan sisa pepejal dengan sempurna dan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam melaksanakan dasar pengasingan sisa di punca. Dasar ini telah membantu dalam meningkatkan lagi kadar kitar semula Seberang Perai yang telah mencatat 38% pada tahun 2016 dan telah meningkat kepada 43.25% pada tahun 2017 dan seterusnya mensasarkan peningkatan kadar kitar semula tahunan sebanyak 7% dan mencapai 70% kadar kitar semula, menjelang tahun 2022 seperti di dalam Pelan Strategik MPSP. Selain itu, MPSP juga mensasarkan

beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022. Kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurangan daripada 1.6kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8kg/orang/hari pada tahun 2022.

Untuk mencapai hasrat ini MPSP memperkenalkan MPSP *Smart Consumption Model 8R* [*rethink, refuse, reduce, re-use, repair, re-gift, recover* dan *recycle*] yang mana intipatinya adalah memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Ini adalah antara perancangan MPSP untuk mengalih dan mengurangkan sisa sampah daripada dibawa ke tapak pelupusan. Barangan kitar semula boleh dijual kepada pusat kitar semula manakala sisa organik pula dialihkan ke loji kompos membuat baja (kompos). Marilah kita bersama-sama menjaga kebersihan dan melaksanakan pengasingan sisa dipunca dalam merealisasikan harapan MPSP untuk menjadikan Seberang Perai Bandar Rendah Karbon (*Low Carbon City*).

Tuan Yang Terutama Tun, Toh Puan Dato' Seri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato' dan Datin-Datin serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pada dasarnya pertanian merupakan antara punca guna tanah utama bagi Seberang Perai dengan 40% kawasan diusahakan dengan aktiviti pertanian. Aktiviti pertanian utama pula adalah padi. Dalam membangunkan kawasan, usaha-usaha hendaklah dibuat untuk mengekalkan tanah pertanian sedia ada atau membangunkan serta mengubah kawasan-kawasan terbiar menjadi kawasan pertanian. Agensi-agensi berkaitan pula hendaklah membantu dalam usaha-usaha komersialisasi hasil-hasil pertanian agar pendapatan petani, penternak dan nelayan meningkat.

Saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat Dr. Afif dan pihak penganjur program Fiesta Seberang Perai yang telah berjaya dalam mempromosikan serta memasarkan produk-produk dan hasil-hasil pertanian, penternakan dan perikanan kepada para penduduk dan juga pengusaha-pengusaha besar. Program seumpama ini merupakan satu platform dan kaedah paling berkesan kepada usahawan untuk memperkenalkan dan memasarkan produk-produk mereka.

MPSP juga bercadang untuk mengadakan kerjasama pintar dengan Universiti Putra Malaysia dan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan Seberang Perai sebagai hub pengeluar padi organik bagi mencapai Bandar Rendah Karbon menjelang tahun 2022. Ini memandangkan MPSP mempunyai keupayaan untuk mengumpul baja-baja kompos yang diproses daripada sisa-sisa makanan dan sisa kebun. Manakala, pihak insititut pengajian teknologi dan agensi berkaitan mempunyai teknologi penggunaan baja kompos untuk menggantikan baja kimia.

Kerjasama MPSP dengan pusat-pusat pengajian tinggi seperti UPM dan Jabatan dan Agensi Kerajaan serta petani jelas menunjukkan kaedah kreatif MPSP dalam *unlocking the power of partnership* melalui pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dengan penggunaan pendekatan *partnership* ini, MPSP akan bekerjasama dengan partners di kalangan masyarakat untuk menjayakan program-program seumpama ini dalam meningkatkan kesedaran di kalangan warga Seberang Perai dalam kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta pengurusan bahan buangan. Kerjasama sebegini amat membantu dalam menjadikan MPSP sebagai Bandaraya Rendah Karbon

dan Bandaraya Pintar menjelang 2022 sejajar dengan Visi Seberang Perai 2018-2022 iaitu 'Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif'.

Tuan Yang Terutama Tun, Toh Puan Dato' Seri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato' dan Datin-Datin serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin kerana melibatkan MPSP dalam penganjuran Seberang Perai Fiesta 2018 dan tahniah kepada semua agensi yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.